




**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN PERMOHONAN SALINAN TERPERAKU (CTC)
PERAKUAN PENDAFTARAN
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)
MELALUI
SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (SPDP)**

Dikemas kini pada: 15 Julai 2025

PERMOHONAN SALINAN SIJIL PERAKUAN (CTC)



1. Panduan Umum

- Permohonan sijil salinan terperaku (CTC) boleh dipohon sekiranya organisasi mempunyai pejabat cawangan yang diselia, berlesen atau berdaftar di bawah pejabat utama.
- Sijil CTC boleh dipohon dalam beberapa cara:
 - a. permohonan semasa pendaftaran baharu atau pembaharuan;
 - b. permohonan selepas permohonan pendaftaran pejabat utama telah berjaya.
- Permohonan lengkap akan disemak oleh Pesuruhjaya PDP dalam tempoh 7 hari bekerja.
- Pemohon akan menerima emel pemakluman status permohonan melalui emel yang didaftarkan.
- Pemohon hendaklah membuat bayaran fi selepas menerima notis semakan melalui emel yang didaftarkan oleh pemohon dalam tempoh 14 hari.
- Jumlah fi adalah RM10.00 bagi setiap salinan terperaku dan bayaran adalah secara elektronik melalui SPDP.
- Salinan Perakuan Pendaftaran dan resit rasmi boleh di muat turun oleh pemohon di SPDP selepas bayaran fi dilengkapkan.

2. Log Masuk Akaun

- Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- Klik “Log Masuk SPDP” di penjuru kanan atas laman SPDP.
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan. Seterusnya, Klik butang “Log Masuk”.




Rajah 2.1

- Sekiranya pemohon tidak mengetahui kata laluan, sila rujuk [Tetapan Semula Kata Laluan](#).

3. Permohonan Salinan Sijil Terperaku (CTC)

- Klik “CTC” yang terdapat di Senarai Perakuan Pendaftaran seperti di dalam rajah 3.1 di bawah.



Rajah 3.1

Permohonan CTC

⚠ Perhatian

Permohonan CTC hanya dibenarkan jika anda ingin memohon untuk salinan atas tujuan penambahan cawangan. Anda perlu mengisi nama dan alamat cawangan untuk setiap salinan yang dipohon.

No Pendaftaran SPDP
SB12042014

Nama Syarikat

Bilangan Salinan *

0

Tambah Cawangan :

Nama Cawangan *

Alamat Cawangan *

Klik tambah untuk memasukkan maklumat cawangan

TAMBAH +

#	Nama Cawangan	Alamat
Tiada data diarsalahi		

KEMBALI

HANTAR

Rajah 3.2

- Isikan maklumat cawangan.
- Kemudian klik 'tambah' untuk melengkapkan proses permohonan CTC.
- Ulang langkah diatas sekiranya terdapat lebih dari satu cawangan.
- Setelah selesai, klik hantar.